



MAJLIS PENYERAHAN BUKU ZIKIR DAN DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA' DAN SEGALA PENYAKIT

Khamis, 02 April 2020 – Dalam usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19, pelbagai cara dan usaha telah dilakukan antaranya menjaga kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan dan sebagainya. Selain itu, dari segi kerohanian kita juga dianjurkan untuk sentiasa mengamalkan zikir dan doa yang warid.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama beberapa buah stesen minyak di negara ini telah mengambil inisiatif untuk mengagihkan buku 'Zikir-Zikir dan Doa-Doa Memohon Kepada Allah Supaya Terselamat Daripada Bala dan Segala Jenis Penyakit' kepada orang ramai khususnya pelanggan-pelanggan yang singgah untuk mengisi minyak.

Penyerahan buku zikir dan doa tersebut diteruskan lagi hari ini dan berlangsung di beberapa buah Stesen Minyak di negara ini.

Bagi Daerah Tutong penyerahan berlangsung di Stesen Minyak Penyurat Haji Abu Bakar, Kampong Suran, Pekan Tutong, penyerahan telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Yang Mulia Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Sementara di Daerah Belait, penyerahan diadakan di Stesen Minyak Sungai Bakong, Lumut dan telah diagihkan oleh Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Yang Mulia Awang Mohammad Noorsuffian bin Haji Yahya.

Manakala di Daerah Temburong, pengagihan dilaksanakan di Stesen Minyak Negalang oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Yang Mulia Awang Haji Jamil bin Haji Abdul Ghani.

Semoga dengan adanya usaha seumpama ini dan kerjasama dari semua pihak, wabak COVID-19 ini akan dapat kita tangani dengan segera dan berdoa agar Allah mengurniakan kesembuhan kepada pesakit dan melindungi kita semua sekali gus terhapus wabak dahsyat tersebut dari bumi ini.

- TAMAT -